



SIARAN MEDIA

RANG UNDANG-UNDANG JURUUKUR TANAH BERLESEN (PINDAAN) 2024 DILULUSKAN DI DEWAN RAKYAT

Dewan Rakyat hari ini telah meluluskan Rang Undang-Undang Juruukur Tanah Berlesen (Pindaan) 2024 setelah dibacakan buat kali kedua dan ketiga oleh YB Nik Nazmi Nik Ahmad, Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam.

Pindaan ini bertujuan untuk menambahbaik dan memperkasakan akta sedia ada iaitu Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 (Akta 458) selari dengan peredaran masa dan kemajuan negara. Kejayaan pada hari ini juga merupakan satu detik bersejarah memandangkan akta ini tidak pernah dipinda walaupun bidang ukur geomatik telah mengalami perkembangan teknologi yang pesat dan istilah-istilah baharu berkaitan bidang ini telah diperkenalkan serta diguna pakai secara universal.

Pindaan ke atas Akta 458 melibatkan 15 fasal yang melibatkan pewujudan 2 seksyen baharu, pindaan ke atas 9 seksyen sedia ada dan 1 jadual, penggantian ke atas 1 seksyen serta 1 peruntukan peralihan. Pindaan ini meliputi 4 skop iaitu pengukuhan akta melalui peruntukan baharu selaras dengan keperluan dan kehendak semasa serta perkembangan profesion Juruukur Tanah Berlesen (JTB), perluasan skop kerja JTB dan kuasa Lembaga Jurukur Tanah (LJT) dalam bidang ukur geomatik selain daripada bidang ukur hakmilik, penambahan kadar denda bagi kesalahan tatalaku profesional JTB dan bagi kesalahan jenayah mana-mana individu bukan JTB, serta pemansuhan istilah-istilah lama, penambahan definisi dan tafsiran baharu serta pindaan-pindaan kecil yang signifikan.

Melalui pindaan akta ini, seseorang JTB diperuntukkan kuasa untuk melaksanakan pelbagai kerja pengukuran dalam disiplin ukur geomatik yang berasaskan kepada teknik pengukuran tepat (*survey accurate technique*) mengikut datum (asas rujukan) pengukuran yang diiktiraf oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM). Ini akan memastikan standard dan kualiti kerja yang dihasilkan oleh JTB di negara ini adalah pada tahap yang terbaik. Selain itu, pindaan ini turut mengiktiraf penggunaan singkatan "LSr" yang membawa maksud *Land Surveyor* bagi seseorang juruukur tanah berdaftar. Penggunaan singkatan "LSr" akan dikawal selia oleh LJT dan membolehkan peranan JTB diiktiraf sebagaimana kumpulan profesional yang lain.

Bagi mencegah JTB daripada melakukan kesalahan profesional semasa melaksanakan kerja-kerja ukur hakmilik dan ukur geomatik, kadar denda yang boleh dikenakan oleh LJT ke atas JTB juga dipinda dan dinaikkan daripada RM500 kepada tidak melebihi RM100,000. Kenaikan ini adalah setara dengan kadar denda yang dikenakan oleh badan profesional lain serta bersesuaian dengan situasi semasa memandangkan kadar sedia ada tidak pernah dinaikkan sejak tahun 1958.

Di samping itu, selaras dengan kemajuan teknologi dan pendigitalan serta bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan, satu seksyen baharu iaitu seksyen 19A diperkenalkan untuk membolehkan apa-apa rekod, data ukur atau dokumen yang dikehendaki di bawah akta ini dikemukakan melalui perantara elektronik atau dihantar secara elektronik. Pindaan ini adalah signifikan dengan kemajuan terkini dalam bidang digital serta dapat menggalakkan pengurusan masa dan sumber yang cekap.

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam yakin bahawa pindaan akta ini dapat memberikan impak positif melalui peningkatan profesionalisme dan kemajuan kerjaya JTB, meningkatkan perlindungan ke atas hak dan kepentingan pengguna perkhidmatan JTB serta memastikan perundangan berkaitan bidang ukur geomatik di negara ini adalah selari dengan peredaran masa serta kemajuan teknologi di peringkat global.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM
25 MAC 2024